

KHUTBAH JUMAAT

“JALAN KELUAR DARIPADA UJIAN KEHIDUPAN” (2 Julai 2021M/ 21 Zulkaedah 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita rahmat, berkat dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk “***Jalan Keluar Daripada Ujian Kehidupan***”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kehidupan dunia adalah kehidupan yang sementara. Kehidupan yang sebenarnya adalah kehidupan akhirat yang kekal selamanya. Kehidupan di dunia ini adalah ujian bagi setiap manusia dan masing-masing akan menerima ujian daripada Allah

subhanahu wata'ala sesuai dengan keupayaannya, sama ada dalam bentuk kesusahan atau pun kesenangan.

Kita pada hari ini sedang berhadapan dengan pelbagai ujian; sama ada dalam bentuk kesusahan, ketakutan, dilanda wabak penyakit, kematian, kemiskinan, kehilangan harta benda dan kemerosotan ekonomi. Kita sebagai umat Islam hendaklah menempuh semua ini dengan penuh kesabaran dan menerimanya sebagai peringatan penting untuk kita terus mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu yang sepatutnya, amalan-amalan soleh yang menguatkan jiwa dan juga persediaan-persediaan lain yang akan membantu kita untuk meneruskan kehidupan yang sejahtera.

Dalam menghadapi ancaman pandemik covid-19 sekarang, ramai antara kita yang hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Ini sememangnya ujian buat kita semua, bukan hanya di Malaysia, malah seluruh dunia mengalaminya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 155-157:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ
وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ
رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Maksudnya: *Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan*

merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar: (laitu) orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali. Mereka itu ialah orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya; dan mereka itulah orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam kita menghadapi ujian dan musibah dari Allah *subhanahu wata'ala*, kita perlu segera beringat serta memohon keampunan daripada-Nya dan memohon kepada-Nya agar kita dihindarkan dan diselamatkan daripada ujian serta musibah yang berterusan. Jangan sekali-kali kita berputus asa dari rahmat Allah dan ingatlah bahawa kita disuruh untuk berikhtiar serta berusaha sepenuh kemampuan kita untuk keluar dari kemelut dan musibah yang melanda.

Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya bersyukur atas kesungguhan pihak kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19 ini dan seterusnya melancarkan pelbagai inisiatif untuk membantu segenap lapisan rakyat. Semoga segala usaha dan tindakan pihak kerajaan dapat membuahkan hasil yang baik.

Pada masa yang sama, setiap daripada kita perlu turut sama membantu dengan mengambil langkah untuk menjaga kesihatan diri dan keluarga dengan mengikuti SOP yang telah ditetapkan. Di

samping itu, kita juga perlu bijak dalam mengurus pendapatan dan perbelanjaan bagi memastikan kesejahteraan kewangan kita dan isi rumah sentiasa terjaga. Ramai dalam kalangan kita yang terkesan dan terjejas sumber pendapatannya yang seharusnya perlu disusun semula kewangan isi rumah agar lebih stabil dan berdaya tahan.

Bagi individu yang memiliki perniagaan pula, pengurusan kewangan untuk perniagaan juga amat penting bagi memacu perniagaan agar terus berjalan dan pada masa yang sama dapat melindungi sumber pendapatan dan kebajikan para pekerja.

Sehubungan dengan itu, sekiranya ada dalam kalangan kita yang masih berhadapan dengan masalah kewangan atau yang berkaitan dengan pinjaman, silalah berhubung dengan pihak yang berkaitan sama ada Bank Negara Malaysia, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit atau pun institusi lain yang berkenaan. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyediakan tips-tips pengurusan kewangan yang berhemat, modul- modul pembelajaran bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan individu dan mereka juga menyediakan khidmat kaunseling dan pengurusan kewangan kepada individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar. Khidmat-khidmat ini adalah percuma kepada semua individu dan PKS dan ia boleh didapati di laman sesawang rasmi AKPK iaitu www.akpk.org.my. Semoga dengan usaha dan tindakan yang cepat

ini akan membantu kita untuk mendapat kesejahteraan kewangan dan keselesaan kehidupan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah ini, pengajaran dan penghayatan yang sama-sama dapat kita renungkan daripada khutbah hari ini adalah:

Pertama : Umat Islam hendaklah meyakini bahawa di sebalik ujian dan dugaan itu ada hikmah yang besar untuk kebaikan dan kesejahteraan kita.

Kedua : Umat Islam hendaklah sedar bahawa sesuatu musibah yang terjadi itu adalah kehendak Allah *subhanahu wata'ala* yang menuntut kesabaran dan ketakwaan kita agar dikurniakan jalan keluar yang terbaik.

Ketiga : Umat Islam hendaklah tahu bahawa di sebalik kesusahan dan kesempitan hidup yang dihadapi itu ada pihak atau agensi yang dapat membantu untuk meringankan beban yang dihadapi.

Marilah kita hayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Ali Imran, ayat 200:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِاسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkeabajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih*

daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan).

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Khatib ingin menyeru kepada semua agar terus mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Masyarakat juga disaran agar segera mendaftar untuk suntikan vaksin Covid-19 kerana inilah antara ikhtiar kita dalam usaha menyekat penularan wabak ini. Semoga setiap urusan sama ada dari pihak kerajaan mahupun rakyat, dipermudahkan untuk mendapat vaksin secepatnya.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ اَرْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَاَرْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاَعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا اُنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَّفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. اٰمِيْن، اٰمِيْن يَا رَبَّ الْعٰلَمِيْنَ.

عِبَادَ اللّٰهِ. اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَاِلْحْسَانٍ. وَاِتْيَا ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَآءِ وَاَلْمُنْكَرِ وَاَلْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَاذْكُرُوا اللّٰهَ
الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ. وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ. اَقِيْمُوا الصَّلَاةَ.